



18 NOV, 2022

## Takiyuddin bawa perubahan kepada Kota Bharu, Kelantan

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

# Takiyuddin bawa perubahan kepada Kota Bharu, Kelantan

Calon PAS utama keharmonian kaum, bangunkan ekonomi Kota Bharu

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim  
nfazlina@bh.com.my

**Kota Bharu:** Calon PAS Parlimen Kota Bharu, Datuk Seri Takiyuddin Hassan adalah sosok tubuh yang tidak perlu diperkenalkan memandangkan ia cukup di kenali warga Kelantan khususnya di Parlimen berkenaan.

Sifatnya yang mudah mesra dengan sesiapa sahaja, termasuk warga media di negeri itu atau di mana-mana sahaja menjadikan Takiyuddin mudah didekati.

Sifat toleransi tinggi dalam dirinya sehingga tidak timbul isu perkauman atau isu agama sepanjang mengemudi Parlimen berkenaan selama dua penggal.

Keharmonian dapat dilihat di Kota Bharu apabila masjidnya meriah dengan kuliah, manakala



Takiyuddin ketika meninjau pengundian awal di TASKA di Ibu Pejabat Polis Kontinjen di Kota Bharu.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

masyarakat India dan Cina masing-masing dengan aktiviti mereka.

Banyak usaha dan jasa yang dibawa Takiyuddin yang juga Menteri Tenaga dan Sumber Asli ke Kota Bharu.

Aspek pembangunan ekonomi sudah tentu menjadi antara keutamaan Takiyuddin sehingga bandar Kota Bharu pesat mem-

bangun dengan pelbagai kemudahan.

### Buka peluang pekerjaan

Deretan kedai emas, pelbagai pasar raya besar, pusat ekonomi rakyat di bandar itu, sekali gus membuka peluang pekerjaan kepada rakyat.

Jasa beliau sebagai menteri kepada Kelantan juga cukup besar

antaranya projek Empangan Hidroelektrik Nenggiri membabitkan kos RM5 bilion. Program Penghijauan Kelantan serta usaha menobatkan Gunung Stong sebagai GeoPark negara.

Dengan imej kerja kuat dan tegas, Takiyuddin juga mampu membawa anak muda, khususnya ke suatu paradigma yang baharu dan berpolitik dengan mat-



lamat yang khusus.

Takiyuddin berkata, selama dua penggal mengemudi Kota Bharu, beliau berusaha sebaik mungkin bagi memberi yang terbaik kepada warga Kota Bharu.

Katanya, sekiranya terus diberikan mandat, beliau akan terus memberikan yang terbaik kepada Kota Bharu dan Kelantan, selain membawa pembangunan.

"Saya juga dengan rasa rendah diri optimis mampu mengekalkan kemenangan pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) dan apa yang saya harapkan pengundi di Parlimen Kota Bharu terus menyokong saya pada Sabtu ini (esok)," katanya.